



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

PAKEJ AUTO RAHMAH 2023: KERJASAMA MITI DAN SEKTOR SWASTA RINGANKAN BEBAN KOS PENYELENGGARAAN KERETA

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) hari ini telah melancarkan **Pakej AUTO RAHMAH 2023** yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat dari segi kos penyelenggaraan kenderaan, terutamanya di musim perayaan Aidilfitri yang bakal tiba. Ini adalah sambutan kepada aspirasi Program Payung RAHMAH Kerajaan untuk meringankan beban rakyat dari pelbagai aspek kos sara hidup.

Sehubungan itu, **Pakej AUTO RAHMAH PROTON 2023** telah dilancarkan oleh Menteri MITI, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz di fasiliti PROTON di Putrajaya hari ini. Di bawah pakej tersebut, pelbagai barangan dan perkhidmatan dengan harga diskaun ditawarkan melalui 248 pusat servis PROTON di seluruh Malaysia, iaitu:

Pemeriksaan keselamatan kenderaan secara percuma (*40-point safety inspection*);

Diskaun 25% bagi minyak separa sintetik (*semi-synthetic oil*);

Diskaun 10% bagi penapis minyak (*oil filter*) dan gasket; dan

Diskaun RM20 untuk upah buruh.

Harga Pakej AUTO RAHMAH PROTON 2023 yang ditawarkan ialah **RM150**, iaitu dengan **diskaun keseluruhan sebanyak 25%** berbanding harga asal RM202.23 dan tawaran ini dibuka dari **12 April hingga 31 Mei 2023**.

Tengku Zafrul Aziz berkata, “Pemilikan kenderaan kini merupakan keperluan asas penting untuk rakyat. Justeru, **kos berkaitan pemilikan kenderaan seperti pinjaman, perbelanjaan minyak kenderaan, tol dan penyelenggaraan merupakan antara komponen utama perbelanjaan isi rumah** rakyat Malaysia. Sehubungan itu, **MITI amat berbesar hati kerana dapat melancarkan Pakej AUTO RAHMAH 2023**. Terima kasih kepada PROTON kerana pantas menyambut seruan ini dengan menawarkan **diskaun bagi penyelenggaraan kenderaan, dan pemeriksaan keselamatan kenderaan secara percuma** di pusat-pusat servis rasminya melalui Pakej AUTO RAHMAH PROTON 2023. Yang sama penting, kesemua ini **menyumbang kepada keselamatan nyawa pemilik kereta dan keluarga tersayang**, terutamanya di dalam musim perayaan Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.”

Model-model Proton yang layak untuk memanfaatkan Pakej AUTO RAHMAH PROTON 2023 ini ialah **Persona, Iriz, Exora, Saga, Inspira, Waja dan Wira**. Perincian mengenai Pakej AUTO RAHMAH PROTON 2023 boleh diperolehi menerusi laman sesawang <https://www.proton.com/>.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
12 APRIL 2023

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my